



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PELABURAN ISLAM</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI2163/DPB3353</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2016</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>3 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (10 Markah)
  - BAHAGIAN B (10 Markah)
  - BAHAGIAN C (60 Markah)
  - BAHAGIAN D (20 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C. Jawab **EMPAT (4)** soalan dari BAHAGIAN D .
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan
  - iii. Jawab BAHAGIAN C dan D di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Jadual Nilai Kini/ Hadapan
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. *Rational speculator* diharuskan dalam Islam.
2. *Collectibles* mempunyai kecairan yang lebih tinggi berbanding saham biasa.
3. Melabur dalam saham biasa boleh menjadi pelindung inflasi yang baik kerana pulangan semasanya yang berubah-ubah.
4. Sistem penetapan komisen yang tidak jelas dan harga yang tinggi adalah contoh faktor yang menyumbang kepada wujudnya elemen syubhat dalam MLM.
5. Jika matlamat utama seseorang pelabur adalah menginginkan untung atas modal, dia sepatutnya membeli saham bertahan (*defensive stock*) dan bukannya saham berkembang (*growth stock*).
6. *Multi Level marketing (MLM)* adalah bertentangan dengan syarak.
7. Melabur dalam sekuriti derivatif melibatkan risiko yang tinggi.
8. Islam tidak mengiktiraf nilai masa wang (*time value of money*).
9. Matlamat akhir seseorang pelabur muslim dalam melakukan aktiviti pelaburan adalah mencapai *al Falah*.
10. Mendapatkan perlindungan adalah satu contoh objektif kewangan dalam pelaburan.

(10 Markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan .

ISI TEMPAT KOSONG DENGAN PILIHAN JAWAPAN YANG SESUAI.

Pemegang saham biasa	<i>Tanazul</i>	Sistematik
<i>Margin Trading</i>	Bai ma'dum	Bon
Tidak sistematik	Emas fizikal	
<i>Gharar</i>	Premium	
<i>Long purchase</i>	Unit Amanah	
Waran	Perbelanjaan	

1. \_\_\_\_\_ adalah contoh pelaburan tidak langsung (*indirect investment*).
2. Bon yang dijual pada harga yang lebih tinggi dari nilai par dikatakan dijual pada harga \_\_\_\_\_.
3. \_\_\_\_\_ adalah pemilik kepada syarikat yang menerbitkannya.
4. \_\_\_\_\_ merujuk kepada aktiviti pembelian sekuriti pada harga rendah dan penjualan semula pada harga tinggi untuk mendapatkan untung atas modal.
5. Melabur dalam \_\_\_\_\_ tidak akan memberi sebarang pulangan semasa kepada pelabur.
6. \_\_\_\_\_ merujuk kepada kebarangkalian mengalami risiko atau kesamaran dalam sesuatu kontrak.
7. Melabur dalam \_\_\_\_\_ bermaksud melabur dalam sekuriti hutang di mana pelabur terdedah kepada risiko mungkir (*default risk*).
8. Mana-mana pelabur tidak akan dapat lari dari berdepan dengan risiko \_\_\_\_\_.
9. Konsep \_\_\_\_\_ dikaitkan dengan keharusan pelaburan dalam waran.
10. \_\_\_\_\_ dilarang dalam Islam.

(10 Markah)

## BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) SOALAN soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

## SOALAN 1

- a. Bumi Hijau Bhd. menawarkan saham keutamaan dengan kadar dividen 7% setahun. Harga semasa di pasaran RM75. Kadar pulangan yang anda kehendaki adalah 13%.
- Adakah pelaburan ini menarik?
  - Berikan alasan anda berdasarkan jawapan (i)
- (3 markah)
- b. Bincangkan saham keutamaan dan bon dari aspek yang berikut :
- Hak mengundi
  - Pulangan semasa
- (4 markah)
- c. Berikan **DUA (2)** perbezaan utama di antara aset kewangan dan aset hakiki.
- (2 markah)
- d. Seseorang pelabur perlu menanggung pelbagai risiko sepanjang melakukan aktiviti pelaburan. Terdapat banyak punca risiko termasuklah risiko percukaian dan risiko kecairan. Huraikan secara ringkas kedua-dua risiko ini.
- (4 markah)
- e. Anda telah membeli saham pada harga RM 0.15 seunit pada Jun 2013 dan menjualnya semula pada tahun yang sama pada RM 0.08 seunit. Dividen yang di peroleh sepanjang tempoh pegangan adalah RM 0.03. Kirakan kadar pulangan pelaburan (HPR) ini.
- (3 markah)
- f. Terangkan secara ringkas ciri saham biasa yang berikut :
- Sekuriti berpendapatan berubah (*variable income security*)
  - Sekuriti pemilikan (*equity security*)
- (4 markah)

## SOALAN 2

- a. 10% kupon bon dijual pada harga RM950. Nilai muka bon adalah RM1000. Bon telah diterbitkan tiga tahun lalu dan akan matang dalam tempoh empat tahun lagi.

i. Kira pulangan hingga tempoh matang bon.

(3 markah)

ii. Apakah maksud pulangan hingga tempoh matang.

(2 markah)

- b. Diberi maklumat berkaitan **DUA** (2) bon yang ada di pasaran

	Bond Terlajak Laris Bhd.	Bond QU Putih Bhd
Kadar kupon	6.5%	9%
Bilangan kali bunga dibayar dalam setahun	Tahunan	Setiap 6 bulan
Tempoh matang (tahun)	12	8
Harga semasa	RM 1,020	RM 990.15

Untuk setiap bon, kira :

i. Bunga dibayar untuk setiap tempoh yang berkenaan.

(2 markah)

ii. Nilai intrinsik setiap bon jika kadar pulangan dikehendaki adalah 8%. Tentukan bon mana yang menarik dari kacamata anda sebagai pelabur. Berikan justifikasi anda.

(7 markah)

- c. Huraikan secara ringkas yang berikut :

i. **DUA (2)** perbezaan di antara bon dan sukuk

ii. *Junk Bonds*

iii. Sukuk Ijarah

(6 markah)

## SOALAN 3

- a. Aeon Bhd. telah membayar dividen sebanyak RM0.60 sesaham pada tahun lepas. Harga semasa saham syarikat adalah RM12. Jika dividen dijangka meningkat sebanyak 6.5% setahun dan kadar pulangan dikehendaki pelabur adalah 10%, kira harga saham pada tahun ke lima.

(3 markah)

- b. Peninsular Bhd. telah membayar RM 0.40 dividen sesaham pada tahun ini. Syarikat menjangkakan dividen akan bertambah pada kadar 7.5% setahun untuk sepanjang tiga tahun pertama dan kemudian jatuh kepada 7% setahun dan diikuti pada kadar 9% pada tahun lima dan tahun-tahun yang seterusnya. Jika kadar pulangan dikehendaki adalah 10%, nisbah harga perolehan ialah 20 manakala perolehan sesaham ialah RM 1.79. Kira harga saham pada hari ini.

(7 markah)

- c. Diberi maklumat yang berikut mengenai Pitmal Bhd:  
Bilangan saham terterbit syarikat adalah sebanyak 300 juta unit. Keseluruhan aset syarikat ditampung oleh liabiliti bernilai RM200 juta dan ekuiti syarikat bernilai RM600 juta. Keuntungan syarikat sebelum cukai adalah sebanyak RM750 juta manakala cukai tahunan adalah RM 50 juta. Jumlah dividen dibayar kepada pemegang saham biasa adalah sebanyak RM85 juta dan harga semasa saham adalah RM25.00.

Kirakan nisbah :

- i. Perolehan sesaham (*earnings per share*) (1 markah)
- ii. Pembayaran dividen (*dividend payout ratio*) (1 markah)
- iii. Pulangan atas ekuiti (*return on equity*) (1 markah)

- d. MySAS Bhd. telah menerbitkan saham keutamaan bersamanya waran yang membolehkan pemegangnya membeli dua unit saham biasa pada harga RM23.00 sesaham. Harga semasasaham di pasaran adalah RM26.00 manakala harga waran di pasaran adalah RM7.00. Kira:
- i. Nilai teori waran (3 markah)
  - ii. Nilai premium waran (2 markah)
- e. Huraikan "bai-maa'dum" dalam konteks waran. (2 markah)



**BAHAGIAN D**

Bahagian ini mengandungi ENAM (6) soalan. Jawab EMPAT (4) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Berikan maksud ringkas terma yang berikut :

- a. Pasaran Modal Islam (*Islamic Capital Market*)
- b. IPOS (*Initial Public Offerings*)
- c. Saham Berkitar (*Cyclical stock*)
- d. Risiko perniagaan (*Business risk*)
- e. Spekulator yang rasional (*Rational speculator*)

(5 markah)

**SOALAN 2**

Huraikan yang berikut :

- a. Pengurusan risiko dalam pelaburan.
- b. Kekangan dalam pelaburan.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Terangkan yang berikut :

- a. *Open-ended fund*
- b. Sekuriti kerajaan

(5 markah)

**SOALAN 4**

Jelaskan secara ringkas :

- a. Analisis Teknikal (3 markah)
- b. **DUA (2)** kelebihan analisis *fundamental* (2 markah)

**SOALAN 5**

Bincangkan bagaimana penglibatan seseorang dalam aktiviti pelaburan mampu membawanya mencapai matlamat Al Falah sesuai dengan tuntutan Islam dalam pengurusan harta seseorang Muslim.

(5 markah)

**SOALAN 6**

Diberi maklumat berikut, nyatakan syarikat yang menjadi pilihan anda beserta alasan berbuat demikian.

NISBAH / SYARIKAT	GOPENG BHD	SCIENTEX BHD
Perolehan sesaham	RM 1.79	RM 0.98
Pulangan atas ekuiti	17%	13%
Harga perolehan	28 kali	10 kali
Harga semasa	RM 16.23	RM 26.00
Nilai intrinsik	RM 32.10	RM 36.00

(5 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**



